

MYIGF 2017 Sebar Pandangan Isu Keselamatan Siber

Unit Komunikasi Korporat

Wed 10/4/2017 3:19 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



04 OKTOBER 2017 / 13 MUHARAM 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MYIGF 2017 SEBAR PANDANGAN ISU KESELAMATAN SIBER



UUM ONLINE: Cyberjaya - Dengan tema Cyber Security For Trusted Digital Economy, Pusat Pengajian Pengkomputeran (SoC) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah menganjurkan 2nd Malaysian Internet Governance Forum (MYIGF) 2017 di Auditorium SKMM, hari ini.

Forum yang diadakan buat kali kedua selepas 2014 itu dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPT, Dato' Kamel Mohamad yang mewakili Ketua Setiausaha KPT.

Dalam ucapan beliau berkata, forum ini melibatkan pelbagai pihak bagi memastikan keselamatan siber negara khususnya dalam keadaan selamat tanpa pencerobohan atau digodam.

Selain itu katanya, negara kini menghampiri era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) yang tidak dinafikan mempunyai potensi untuk memperkasakan, mengubah dan menyelaraskan semula individu dan masyarakat kerana ia mencipta peluang-peluang baru untuk ekonomi dan pembangunan sosial.

"Didorong oleh kemajuan pesat dalam teknologi akan memberi kesan kepada semua disiplin, ekonomi dan industri.

"Bagaimanapun, ciptaan hebat dalam bidang teknologi ini jika disalahgunakan juga boleh menimbulkan kerosakan dan ancaman sebenar, justeru tadbir urus yang baik adalah sangat penting," katanya.

MYIGF yang disertai lebih 100 peserta terdiri daripada ahli akademik dan pakar dalam bidang siber menjadi platform untuk menyebarkan dan berkongsi pandangan serta hasil kajian ke arah membangunkan isu keselamatan siber dalam digital ekonomi di peringkat kebangsaan dan global.

Pada forum itu juga, Naib Canselor UUM, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak dan Ketua Pegawai Komunikasi dan Ekosistem Digital, SKMM, Dato' Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus turut menyampaikan syarahan masing-masing.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



UUM Consider

UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.